

Berikut adalah peringatan untuk anda:

Anda dinasihatkan untuk hadir **satu (1) jam lebih awal** dari masa janji temu dikaunter Perubatan Nuklear untuk pendaftaran dan perse-  
diaan pemeriksaan

Jika anda datang lewat dari masa janji temu, pemeriksaan anda akan  
ditangguhkan ke tarikh lain

Bagi memastikan anda menepati masa, cuba untuk elakkan kesesakan  
jalanraya dan masa mencari tempat letak kereta dan hal-hal lain

Sila bawa kad pengenalan diri/*passport* bagi tujuan pengesahan  
pengenalan diri

Sila bawa slip janji temu ini dan sebarang rekod pengimejan dari hos-  
pital lain jika ada contoh: Pengimejan PET-CT, CT Scan, Ultrasound  
dan lain-lain jika ada

Sila maklumkan dua (2) minggu lebih awal jika anda tidak dapat  
hadir pada tarikh janji temu

Jika terdapat kerosakan mesinatau masalah teknikal, anda akan di-  
hubungi untuk tarikh janji temu baru

Jika nombor telefon anda bertukar, sila hubungi kami untuk pember-  
itahuan

Sila simpan nombor telefon kaunter Perubatan Nuklear di dalam tele-  
fon bimbit anda supaya anda dapat mengetahui panggilan tersebut  
adalah berkenaan janji temu anda di hospital.

**Jika anda tidak dapat hadir, mohon hubungi kami:**

**Tel: 03-7949 2085/8002 ( kaunter Perubatan Nuklear)**

## PERUBATAN NUKLEAR JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

### JANJI TEMU DAN MAKLUMAT PEMERIKSAAN

#### POSITRON EMISSION TOMOGRAPHY (PET-CT)

PET-CT: ☐ KONTRAS ☐ TANPA KONTRAS

NAMA:.....

R/N:.....

TARIKH JANJI TEMU : .....

MASA JANJI TEMU: ..... AM/PM

CAJ PEMERIKSAAN: RM .....

DEPOSIT : RM .....

ALERGI/ ASMA : NO / YES .....

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJI TEMU DIBERI OLEH: .....

TARIKH JANJI TEMU DIBERI : .....

**PERINGATAN: Sila baca maklumat di dalam brosur ini**



### Apakah persediaan yang perlu dilakukan?

- Berpuasa sekurang-kurangnya 6 jam sebelum pemeriksaan. Walaupun bagaimanapun air kosong adalah dibenarkan
- Jika anda dibekalkan dengan ubat steroid (*prednisolone*), sila ambil mengikut dos yang diarahkan
- Pesakit wanita yang masih boleh mengandung, pengimejan akan dilakukan 10 hari dari hari pertama haid
- Elakkan melakukan senaman 2 hari sebelum pemeriksaan contoh: senaman di gimnasium
- Tiada makanan / minuman mengandungi gula 24 jam sebelum pemeriksaan
- Mendapat tidur dan rehat yang secukupnya
- Jika anda mempunyai kencing manis/diabetik, JANGAN ambil ubat di waktu pagi pada hari pemeriksaan
- Anda boleh mengambil ubat selepas pemeriksaan atau bila diarahkan oleh staf Perubatan Nuklear
- Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun atau wanita mengandung tidak dibenarkan mengiringi pesakit

### Bagi pesakit Dalam/Wad

- Tutup IV drip Glucose / Dextrose satu (1) hari sebelum pemeriksaan (untuk Jururawat)

### Apakah langkah keselamatan selepas pemeriksaan?

Elakkan dari berada berdekatan dengan kanak-kanak atau wanita mengandung sekurang-kurangnya 6 jam selepas pemeriksaan.

### Apa yang dibolehkan selepas pemeriksaan?

Anda boleh makan dan minum seperti biasa selepas pemeriksaan. Anda dinasihatkan untuk minum banyak air pada hari tersebut.

### Berapa banyak radiasi diterima dari pemeriksaan ini?

PET-CT memberi dedahan radiasi sebanyak 25 mSv. Ini bersamaan dengan mendapat 8 tahun purata dedahan radiasi harian.

### Apakah pemeriksaan PET-CT?

PET-CT adalah teknik pengimejan Perubatan Nuklear yang menggabungkan imej CT dan PET dari kedua-dua modaliti. PET memperlihatkan fungsi metabolik dalam badan. Sistem komputer pengimejan PET akan merekod maklumat ini dan menukarkan kepada imej untuk tujuan diagnostik. CT akan memperlihatkan imej anatomi badan dan imej ini akan membenarkan doktor anda untuk melihat saiz, bentuk dan lokasi tumor/lesi dalam badan. Maklumat dari kedua-dua modaliti ini akan digabungkan untuk membentuk imej 3D.

### Apa yang perlu anda lakukan sebelum pemeriksaan PET-CT?

Anda perlu memaklumkan kepada staf Perubatan Nuklear jika:

- Anda menghadapi kencing manis/diabetik
- Anda mengandung atau disyaki mengandung
- Anda mempunyai *claustrophobic*
- Anda sedang menyusu anak
- Anda mempunyai alergi kepada kontras media atau makanan laut
- Anda mempunyai sejarah menghidap asma/lelah

### Bagaimana PET-CT dijalankan?

Terdapat 3 fasa sepanjang pemeriksaan:

- FASA REHAT / FASA UPTAKE - Anda akan disuntik dengan sejumlah dos  $F^{18}$ -FDG (radioaktif dos rendah berbentuk glukosa) melalui salur darah dilengan anda. Anda akan diminta untuk berbaring dan berehat sekurang-kurangnya 1 jam bagi membenarkan FDG untuk memasuki keseluruhan badan. Anda akan diminta untuk membuang air kecil sebelum pemeriksaan dijalankan
- FASA PENGIMEJAN - Pengimejan akan mengambil masa 20 - 30 minit bergantung kepada bahagian yang diimej. Anda tidak dibenarkan bergerak sepanjang pemeriksaan dijalankan
- FASA TAMBAHAN - Anda mungkin diminta untuk menunggu selama 30 minit di dalam bilik menunggu untuk pengimejan tambahan dan membenarkan aktiviti radioaktif menurun keparas selamat

### Tempoh masa pengimejan dijalankan?

Pemeriksaan dijangka akan memakan masa sekurang-kurangnya tiga (3) jam.